



PERSATUAN BANK BANK DALAM MALAYSIA
THE ASSOCIATION OF BANKS IN MALAYSIA

Headline: Eksekutif ditipu polis palsu Kedah
Publication/Portal: Kosmo
Date: 31 December 2018

Language: Malay
Section: Negara
Page: 15

Mangsa wanita didakwa hantar barang berisi dadah, terlibat penyeludupan wang

Eksekutif ditipu polis palsu Kedah

MIRI – Seorang eksekutif sumber manusia di sini menjadi mangsa terbaharu Parcel Scam setelah kerugian RM8,300 diperdayakan individu menyamar sebagai pegawai polis dari Kedah pada Jumaat lalu.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Sarawak, Superintendan Mustafa Kamal Gani Abdullah berkata, mangsa seorang wanita berusia 30 tahun pada mulanya dihubungi oleh seorang wanita yang memperkenalkan diri sebagai



MUSTAFA KAMAL

Zulaikha Othman dari-pada sebuah syarikat kurier dari Kuala Lumpur.

“Mangsa diberitahu telah menggunakan perkhidmatan syarikat tersebut untuk menghantar barang pada 12 November 2018 kepada individu bernama Sinom Phat Choi di Thailand.

“Barangan tersebut kononnya ditahan polis di Kedah kerana disyaki mengandungi dadah serta terlibat dalam aktiviti penyeludupan wang,” katanya dalam satu kenyataan semalam.

Mustafa Kamal memberitahu, mangsa kemudiannya telah disambungkan panggilan kepada seorang lelaki yang memperkenalkan diri sebagai Sarjan Faizal Zakaria polis dari Kedah yang meminta mangsa membuat pindahan wang ke nombor akaun CIMB Bank yang diberi lelaki tersebut.

Katanya, wanita terbabit yang panik telah memindahkan wang berjumlah RM8,300 dalam tiga transaksi ke dalam akaun berkenaan.

“Menyedari dirinya telah ditipu, mangsa telah membuat laporan polis semalam (kelmarin),” ujarnya.

– Bernama



SINDIKET penjenayah kini semakin aktif memperdaya mangsa menerusi kegiatan penipuan Parcel Scam. – Gambar hiasan